

PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2022

Pemberitahuan Usul

USUL INI MENYOKONG BAHAWA KERAJAAN NEGERI MEMBENTUK DEWAN MUDA NEGERI PULAU PINANG

Salam sejahtera dan salam harapan kepada semua ahli yang berhormat. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membenteng usul saya dalam dewan yang mulia ini. Dalam dewan yang mulia ini, saya ingin membenteng satu usul yang berbunyi "**USUL INI MENYOKONG BAHAWA KERAJAAN NEGERI MEMBENTUK DEWAN MUDA NEGERI PULAU PINANG.**"

Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang berhormat,

Pada era globalisasi ini, isu berkaitan anak muda menyertai dalam bidang politik sentiasa dibincangkan oleh masyarakat. Isu ini dibincangkan dari kedai kopi ke Parlimen. Saya berpendapat bahawa anak muda memainkan peranan yang penting dalam pilihan raya yang akan datang. Dalam sesi perbahasan, kita mendapati bahawa ahli-ahli yang berhormat sentiasa membangkitkan isu ini. Satu kemelut yang sentiasa yang dibincangkan ialah cara-cara menggalakan anak muda melibatkan diri dalam politik. Selain itu, terdapat satu masalah ialah bagaimanakah anak muda menjadi seorang ADUN atau Ahli Parlimen. Seperti mana yang kita sedia maklum, tidak silibus mengajar anak-anak muda menjadi seorang wakil rakyat.

Melalui kesempatan ini, saya ingin mecadangkan pembentukan Dewan Muda di negeri Pulau Pinang. Dewan Muda ini akan disertai oleh 40 orang ADUN Muda yang mewakili setiap kawasan DUN di negeri ini. 40 orang ini bukan terus dilantik oleh kerajaan negeri maka 40 orang ini akan dipilih oleh rakyat melalui pemilihan secara atas talian. Golongan Belia yang berumur 18 ke 35 boleh berdaftar sebagai pengundi untuk memilih 40 orang ADUN Muda yang mengikut kawasan masing-masing. Sebelum pemilihan diadakan, kempen pemilihan secara atas talian akan dilaksanakan untuk membolehkan calon ADUN Muda memperkenalkan diri sendiri kepada pengundi.

Syarat-syarat menjadi calon ADUN Muda negeri Pulau Pinang seperti berikut :

- 1. Warganegara Malaysia**
- 2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang selama 5 tahun**
- 3. Berfasih dalam Bahasa Melayu**
- 4. Boleh memberi pandangan dan cadangan sendiri dengan jelas**
- 5. Tiada terlibat dalam sebarang jenayah dan hutang**
- 6. Berumur 18 ke 35**
- 7. Tidak menjawat sebagai ADUN atau Ahli Parlimen**
- 8. Tidak perlu mewakili parti**

Selepas ADUN Muda telah berjaya dipilih, kerajaan negeri akan menyampaikan watakah pelantikan kepada ADUN Muda yang telah berjaya dipilih golongan belia. Tempoh jawatan serorang ADUN Muda ialah 2 tahun. Selepas tempoh jawatan telah ditamatkan, pemilihan akan diadakan.

Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang berhormat,

Seterusnya, saya ingin menerangkan apakah tanggungjawab dan tugas sebagai ADUN Muda.

Tanggungjawab dan tugas sebagai ADUN Muda seperti berikut :

- 1. Menyertai Persidangan Dewan Muda Pulau Pinang yang diadakan 2 kali dalam satu tahun. Persidangan akan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.**
 - Persidangan Dewan Muda Pulau Pinang diadakan untuk membahaskan isu semasa negeri dan membenteng usul.**
 - Membincangkan isu kawasan masing-masing untuk mencari penyelesaian kepada kerajaan negeri.**
 - Membawa pandangan orang muda masuk ke persidangan.**
- 2. Bekerjasama dengan ADUN untuk berkhidmat kepada penduduk kawasan masing-masing.**
- 3. Menganjurkan aktiviti atau program yang membawa manfaat kepada masyarakat.**

4. Mengikuti portfolio masing-masing membicarakan masalah atau merangka usul untuk menghantar cadangan kepada kerajaan negeri.

Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang berhormat,

Dalam Dewan Muda negeri Pulau Pinang ini, kita tidak akan membezakan antara parti kerajaan atau parti pembangkang. Oleh itu, dalam Dewan Muda negeri Pulau Pinang ini tidak akan mewujudkan Ketua Menteri, EXCO, Ketua Pembangkang dan sebagainya. 40 orang ini akan ditugaskan kepada 11 jawatankuasa yang berbeza. 11 jawatankuasa ini adalah mengikuti portfolio 11 orang EXCO di negeri Pulau Pinang.

11 jawatankuasa Dewan Muda Negeri Pulau Pinang seperti berikut :

1. **Pembangunan Tanah & Ekonomi Dan Komunikasi**
2. **Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi Dan Pemerkasaan Komuniti**
3. **Pembangunan Modal Islam, Pendidikan, Sains & Teknologi**
4. **Pembangunan Sosial Dan Hal Ehwal Bukan Islam**
5. **Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa**
6. **Alam Sekitar Dan Kebajikan**
7. **Infrastruktur Dan Pengangkutan**
8. **Perdagangan, Industri Dan Pembangunan Usahawan**
9. **Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif**
10. **Belia Dan Sukan**
11. **Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan**

Setiap jawatankuasa akan diketuai oleh seorang pengerusi. Pengerusi tersebut akan dipilih dalam kalangan ADUN Muda. Setiap jawatankuasa ini sekurang-kurang disertai oleh 2 orang ADUN Muda.

Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang berhormat,

Setelah mendapat kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Kerajaan negeri telah memutuskan bahawa membentuk sebuah jawatankuasa yang dikenali

sebagai Jawatankuasa Dewan Muda Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini akan diketuai oleh daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri selaku Pengerusi maka saya dan ketua pembangkang akan menjadi timbalan pegerusi. Jawatankuasa ini juga disertai ADUN dari parti kerajaan dan parti pembangkang. PYDC juga menjadi agensi yang bertanggungjawab untuk mengurus Dewan Muda Negeri Pulau Pinang.

Tanggungjawab Jawatankuasa Dewan Muda Negeri Pulau Pinang seperti berikut :

- 1. Mengadakan pemilihan ADUN Muda secara talian.**
- 2. Meluluskan permohonan peruntukkan khas untuk ADUN Muda.**
- 3. Mengurus dan menganjurkan semua program untuk ADUN Muda**

Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang terhormat,

Kerajaan negeri Pulau Pinang akan memberi peruntukkan khas kepada setiap ADUN Muda. Peruntukkan khas bertujuan membolehkan ADUN Muda menjalankan aktiviti dan program di kawasan beliau. Sekiranya ADUN Muda ingin memohon peruntukkan khas daripada kerajaan negeri, beliau haruslah menghantar kertas kerja yang mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Dewan Muda negeri Pulau Pinang. ADUN Muda perlu menghantar kertas kerja sebelum mendapat peruntukkan kerana kerajaan negeri ingin memastikan ADUN Muda tidak terlibat dalam aktiviti rasuah.

Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang terhormat,

Seterusnya , saya berkongsi perbezaan antara Dewan Muda Negeri Pulau Pinang dengan Sidang Muda.

Perbezaan antara Dewan Muda Negeri Pulau Pinang dengan Sidang Muda seperti berikut :

	Dewan Muda Negeri Pulau Pinang	Sidang Muda
Perserta	ADUN Muda dipilih oleh golongan belia sendiri.	Ahli Sidang Muda dipilih oleh PYDC.
Tempoh	2 tahun	1 hari
Peruntukkan	Boleh menghantar kertas kerja untuk mendapat peruntukkan khas.	Tiada Peruntukkan Khas.

Kerajaan negeri Pulau Pinang menganjurkan Sidang Muda sejak tahun 2015 sehingga kini. Sidang Muda yang dianjurkan oleh PYDC memang bagus dan hebat. Saya percaya bahawa Sidang Muda diketahui umum di negeri ini. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada PYDC. Saya berharap bahawa semasa Dewan Muda Negeri Pulau Pinang diwujudkan, Sidang muda kekal diadakan. Ini adalah kerana memastikan semua anak muda mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam bidang politik.

Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang berhormat,

Saya percaya bahawa Dewan Muda Negeri Pulau Pinang dibentuk akan memberi manfaat yang banyak kepada negeri kita. Saya mempunyai keyakinan yang besar, rancangan yang telah dikemukakan oleh kerajaan negeri akan mendapat sokongan yang besar daripada setiap lapisan masyarakat. Seterusnya, saya ingin berkongsi kebaikan pembentukan Dewan Muda Negeri Pulau Pinang terhadap masyarakat.

P U L A U P I N A N G

Kebaikan pembentukan Dewan Muda Negeri Pulau Pinang terhadap masyarakat seperti berikut :

- 1. Memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat negeri Pulau Pinang.**
- 2. Memastikan negeri Pulau Pinang sebuah negeri yang aman dan damai.**
- 3. Menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mendengar cadangan yang dikemukakan oleh golongan belia.**

4. Menggalakan golongan belia melibatkan diri secara aktif dalam bidang politik.
5. Meningkatkan kesedaran politik dan pendidikan politik kepada golongan belia.
6. Melalui pengaruh ADUN Muda untuk menyeru anak muda memberi tumpuan kepada isu semasa atau politik negara kita.

Kebaikan pembentukan Dewan Muda Negeri Pulau Pinang terhadap seorang ADUN Muda :

1. Membuka jalan kepada anak muda yang ingin menjadi wakil rakyat.
2. Meningkatkan kemahiran beerdebat golongan belia.
3. Dapat belajar membenteng usul dan merancang dasar-dasar.

Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang berhormat,

Kesimpulanya, saya berharap Dewan Muda Negeri Pulau Pinang yang disertai oleh 40 ADUN Muda ini berjaya dibentuk untuk memastikan negara kita duduk sama rendah, diri sama tinggi dengan negara lain. Kita sentiasa membincangkan langkah-langkah untuk menggalakan golongan belia menyertai dalam bidang politik. Tidak akan berkesan sekiranya kita sentiasa mengadakan mesyuarat untuk bincangkan. Kita haruslah mengambil tindakan dengan secepat mungkin. Sekiranya kita betul-betul mahu menggalakan golongan belia melibatkan diri secara aktif dalam bidang politik, kita haruslah merancang aktiviti dan program yang berkesan. Saya berharap ahli-ahli yang berhormat melibatkan diri secara aktif dalam sesi perbincangan. Saya akan menjawab soalan atau cadangan anda semasa sesi penggulungan. Saya memohon semua ahli yang berhormat dari blok kerajaan atau blok pembangkang memberi sokongan kepada usul saya untuk memastikan masa depan negeri Pulau Pinang dijamin.

SEKIAN TERIMA KASIH.

Ng Zhen Feng

N08 Bagan Jermal

Sidang Muda 2022